

15 OCT 2002

Mahathir-air/I

M'SIA TAK TOLAK KEMUNGKINAN TIMBANG TARA ISU AIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak menolak kemungkinan menyelesaikan isu harga air dengan Singapura melalui proses timbang tara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata proses itu bagaimanapun akan mengambil masa yang lama.

"Jika kita ke mahkamah ia akan mengambil masa bertahun-tahun. Kita masih melalui proses timbang tara mengenai Pulau Batu Putih (dengan Singapura), dan sehingga sekarang, tidak ada kemajuan," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Persidangan Nuklear Antarbangsa di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Malaysia akan merujuk isu harga air itu kepada proses timbang tara jika perbincangan untuk mencari penyelesaian menemui jalan buntu.

Dr Mahathir berkata beliau belum menerima jawapan daripada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengenai cadangannya supaya isu harga air diasingkan daripada pakej isu-isu yang belum diselesaikan antara kedua-dua negara.

Cadangan itu dikemukakan dalam satu surat beliau kepada Goh.

Malaysia dan Singapura sedang berunding mengenai harga baru tetapi republik itu mempertikaikan langkah Malaysia mengkaji semula harga itu kerana ia tidak berbuat demikian semasa kajian itu sepatutnya dibuat tidak lama dahulu.

Kedua-dua negara menandatangani dua perjanjian air, satu pada 1961 dan satu pada 1962. Mengikut perjanjian 1961, Singapura boleh mendapatkan 80 juta gelen sehari dari kawasan tadahan Pulau, serta dari Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 Sept 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan supaya kajian semula harga dibuat selepas 25 tahun, iaitu masing-masingnya pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini menjual kepada Singapura air mentah pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air yang dirawat pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI